

Jabatan Perangkaan tambah baik data IoS

KUALA LUMPUR 25 April - Jabatan Perangkaan Malaysia berusaha menambah baik data Indeks Perkhidmatan (IoS) supaya dapat memberi maklumat lebih menyeluruh sebagai mekanisme untuk memantau prestasi ekonomi negara.

IoS merangkumi sebanyak 11 subsektor iaitu perdagangan edaran, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengangkutan, pendidikan, kesihatan, penginapan, restoran, profesional, kesenian, hiburan dan rekreasi, kewangan dan hartanah.

Pengarah Bahagian Imbangan Pembayarannya, Siti Asiah Ahmad berkata, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2015 dan pecahan daripada segmen itu sememangnya dikaji secara berterusan.

Walaupun bagaimanapun katanya, segmen kewangan dan insurans yang merupakan subsektor perkhidmatan antara industri yang luas dan memerlukan kajian lebih mendalam bagi mengetahui indeks menyeluruh.

Ujar beliau, berdasarkan data sumbangan nilai tambah kepada Banci Ekonomi 2011, indeks kewangan menyumbang kira-kira 62 peratus dan indeks insurans sebanyak 67.6 peratus.

"Peratusan ini masih di paras rendah berbanding kadar sebenar dan proses kajian ini akan mengambil masa untuk mendapatkan ketepatan jumlah data.



ISMAIL YUSOFF (kanan) dan Siti Asiah Ahmad (dua dari kanan) pada taklimat petunjuk ekonomi anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia di Wisma Minlon, Balakong, dekat Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ABDUL NAZIR MOHAMED

"Kami sentiasa berusaha melaksanakan pengeluaran data statistik yang berkualiti dan berorientasikan masa," katanya kepada pemberita dalam sesi taklimat petunjuk ekonomi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Program Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia, Ismail Yusoff.

Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai penjana statistik rasmi negara bertanggungjawab mengumpul, mentafsir dan menyebarkan perangkaan untuk dijadikan input kepada

pembentukan dasar serta perancangan pembangunan negara.

Data berkenaan diperolehi daripada sumber primer iaitu kajian yang dijalankan secara berkala sama ada bulanan, suku tahunan atau tahunan ke atas entiti perniagaan yang beroperasi di negara ini.

Maklumat itu seterusnya ditafsirkan dalam bentuk perangkaan penting seperti Indeks Harga Pengguna dan Indeks Perdagangan Edaran yang dikeluarkan secara berkala.